

SULPIRIDE

A. APAKAH KEGUNAAN UBAT INI?

- ✚ Ubat ini digunakan untuk rawatan skizofrenia (gangguan otak yang teruk dimana orang menafsir realiti dengan luar biasa)



B. BAGAIMANA UBAT INI BERTINDAK?

- ✚ Ubat ini bertindak menyekat tindakan bahan kimia semula jadi dalam otak yang dikenali untuk terlibat dalam mengawal emosi dan tingkah laku dan lain-lain.

C. BAGAIMANA UBAT INI DIGUNAKAN?

A. CARA MAKAN

- ✚ Makan ubat ini seperti diarahkan oleh doktor.
- ✚ Ubat ini boleh diambil ketika atau antara waktu makan.
- ✚ Ubat ini perlu diambil secara berterusan dan pada waktu yang sama



B. JIKA TERLUPA

- ✚ Makan dos yang terlupa sebaik sahaja teringat TETAPI abaikan dos tersebut jika telah hampir masa untuk dos seterusnya.
- ✚ Jangan gandakan dos ubat untuk menggantikan dos yang terlupa.

C. BAGAIMANAKAH ANDA PERLU MENYIMPAN UBAT INI?

- ✚ Simpan ubat tablet dalam bekas asal pada suhu bilik (kurang daripada 25°C), jauh dari haba, kelembapan dan cahaya matahari.
- ✚ Jauhkan daripada kanak-kanak.

D. PERINGATAN !!!



➤ **SEBELUM MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Mempunyai sejarah alahan pada ubat ini.
- ✚ Mengambil sebarang ubat, vitamin, produk herba atau makanan kesihatan tambahan, kerana ia mungkin bertindakbalas dengan ubat ini.
- ✚ Sekiranya anda hamil, merancang untuk hamil dan memberi susu badan.

➤ **SEMASA MENGAMBIL UBAT INI**

Maklumkan kepada doktor jika anda;

- ✚ Didapati hamil dan memberi susu badan
- ✚ Mengalami alahan/alergi kepada ubat ini



AMARAN !!

SEKIRANYA
TANDA-
TANDA INI
BERLARUTAN
SILA
RUJUK
DOKTOR

E. KESAN SAMPING UBAT

- ✚ Pesakit mungkin akan mengalami kesan-kesan berikut:
 - kesukaran untuk tidur, rangsangan keterlaluan (terlalu teruja) dan agitasi.
- ✚ Pesakit perlu melaporkan kepada doktor atau ahli farmasi sekiranya mengalami kesan seperti berikut:
 - Kejadian gangguan extrapyramidal dan *tardive dyskinesia* (pergerakan yang tidak terkawal dan berulang pada muka & rahang)
 - Hipotensi (tekanan darah rendah)

Rujukan:

- npra.gov.my-Risalah Maklumat Ubat Untuk Pengguna (RiMUP), 2017
- Drugs.com
- Sisipan maklumat ubat

Sebarang pertanyaan mengenai ubat-ubatan, sila hubungi Jabatan Farmasi, Hospital Universiti Sains Malaysia. 09-7673000 sambungan:

Unit Farmasi Klinikal dan Maklumat Drug : 3384/3386

Unit Farmasi Pesakit Luar : 3393/3394
